

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PEJABAT BENDAHARI**

---

UTHM.PB/100.6/4 Jld. 3 (1)

Tarikh:

7 Januari 2016

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2016**

Semua Pengurus Bahagian

***Universiti Tun Hussein Onn Malaysia***

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**PENETAPAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA STAF UNIVERSITI TUH HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI ATAU KURSUS DALAM DAN LUAR NEGARA**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang staf Universiti menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa bertugas rasmi atau berkursus di dalam dan luar negara.

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Pada masa ini, kadar elaun makan, penginapan, perbatuan, tambang gantian dan tuntutan-tuntutan lain adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2005, Pekeliling Bendahari Bil. 6/2006, Surat Pekeliling Bendahari Bil. 7/2014 serta Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Bendahari lain yang sedang berkuatkuasa.
- 2.2 Perbendaharaan Malaysia melalui Pekeliling Perbendaharaan - Pengurusan Wang Awam (WP) 1.4/2013 telah membuat pindaan terhadap kadar-kadar

sewa hotel dan syarat-syarat tambahan lain bagi tuntutan perjalanan tugas rasmi di dalam dan luar negeri.

- 2.3 Manakala bagi kadar dan syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada pegawai perkhidmatan awam semasa berkursus kecuali kursus pra-perkhidmatan, telah dikemas kini melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10/2013.
- 2.4 Pekeliling ini menetapkan kadar dan syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada staf UTHM kerana menjalankan tugas rasmi atau kursus dalam dan luar negara seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2015 pada 29 September 2015.

### **3.0 KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA STAF UTHM KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI ATAU KURSUS DALAM DAN LUAR NEGARA**

Adalah dimaklumkan bahawa Universiti telah menerima pakai **sepenuhnya *Pekeliling Perbendaharaan - Pengurusan Wang Awam (WP) 1.4/2013 (Tugas Rasmi), Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10/2013 (Berkursus), Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling serta Surat Pekeliling Bendahari lain*** dengan pindaan seperti perkara – perkara berikut:-

- 3.1 Kadar bayaran sewa hotel untuk pegawai yang menjalankan tugas rasmi di dalam negeri adalah mengikut kadar baru seperti di ***Jadual 1*** dan ***Jadual 2*** di bawah:-

#### ***Jadual 1 - Semenanjung Malaysia***

<b>Gred</b>	<b>Sewa Penginapan (maksimum) (RM)</b>	<b>Elaun Lojing (RM)</b>
Utama/Khas A dan ke atas	Sebenar ( <i>Standard Suite</i> )	80
Utama/Khas B dan C	Sebenar ( <i>Bilik Superior</i> )	75
53 dan 54	Sebenar ( <i>Bilik Biasa</i> )	70
45 hingga 52	240	60
41 hingga 44	220	55
27 hingga 40	200	45
17 hingga 26	180	40
16 dan ke bawah	160	35

**Jadual 2 - Sabah, Sarawak dan Labuan**

<b>Gred</b>	<b>Sewa Penginapan (maksimum) (RM)</b>	<b>Elaun Lojing (RM)</b>
Utama/Khas A dan ke atas	Sebenar ( <i>Standard Suite</i> )	85
Utama/Khas B dan C	Sebenar ( <i>Bilik Superior</i> )	80
53 dan 54	Sebenar ( <i>Bilik Biasa</i> )	75
45 hingga 52	270	70
41 hingga 44	250	60
27 hingga 40	230	50
17 hingga 26	210	45
16 dan ke bawah	190	40

3.2 Pindaan-pindaan lain yang terdapat dalam pekeliling ini adalah sepertimana berikut:-

3.2.1 Pindaan terhadap takrifan yang digunakan pada gred jawatan iaitu untuk gred 1 hingga 16 telah dipinda kepada gred 16 dan ke bawah;

3.2.2 Pindaan terhadap takrifan yang digunakan pada gred 1 hingga 44 telah dipinda kepada gred 44 dan ke bawah bagi tuntutan bertugas rasmi di luar negeri;

- 3.2.3 Bagi tuntutan Bayaran Sewa Hotel yang melebihi kelayakan pegawai, Naib Canselor diberi kuasa untuk meluluskan tuntutan tersebut dengan kadar tidak melebihi 20% daripada kadar kelayakan pegawai selaras dengan prinsip *Let Managers Manage* ; dan
- 3.2.4 Seseorang pegawai juga layak menuntut bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang wajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakannya.
- 3.3 Pindaan ini juga adalah tidak berkaitan untuk kadar sewa hotel bagi penganjuran bengkel/mesyuarat anjuran Universiti yang sedang berkuatkuasa melalui Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2014 dan pekeliling lain yang berkaitan.
- 3.4 Bagi tuntutan ***Elaun Perbatuan*** perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:-
- 3.4.1 Peraturan tuntutan elaun perbatuan adalah menggunakan sepenuhnya ***Pekeliling Perbendaharaan - Pengurusan Wang Awam (WP) 1.4/2013 (Tugas Rasmi)*** tetapi hanya layak dituntut ***bagi staf yang menaiki kenderaan sendiri sahaja (bukannya menumpang staf lain atau menaiki pengangkutan awam lain)***.
- 3.4.2 Elaun perbatuan yang dibenarkan dituntut oleh staf adalah tugas-tugas rasmi sahaja sepertimana yang dimaksudkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan tersebut.
- 3.4.3 Oleh itu bagi perjalanan yang pada kebiasaannya melalui lebuh raya, staf ***diwajibkan*** menyertakan resit tol atau penyata "Touch n Go" yang boleh dilayari dan dicetak di sasawang ***www.touchngo.com.my*** atau penyata "PLUSmiles" yang boleh dilayari dan dicetak di sasawang ***www.plusmiles.com.my***. Jika tidak

menyertakan resit tol atau penyata "Touch n Go" atau "PLUSmiles", staf tidak layak dibayar elaun perbatuan tersebut termasuk bayaran tol.

#### 4.0 KUAT KUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa untuk tuntutan perjalanan mulai 1 Januari 2016.

#### 5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasa Pekeliling ini, ***Pekeliling Bendahari Bil. 6/2006 adalah dibatalkan.*** Walaubagaimanapun, Pekeliling Bendahari lain yang berkaitan iaitu ***Pekeliling Bendahari Bil. 3/2005 ,Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1/2014 dan Pekeliling Bendahari Bil. 7/2014*** adalah masih berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,



**AZIZAH BINTI NASRI**

Pemangku Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg Naib Canselor
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Ketua Unit Audit Dalam